

SMART urus 1,825 tan sampah

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
hafizi.ahmad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Jalan Raya (SMART) kini terpaksa mengurus sebanyak 1,825 tan sampah-sarap dari Sungai Klang dan Sungai Ampang pada setiap tahun atau sebanyak lima tan sampah pada setiap hari.

Pengarah Pusat Kawalan SMART, Nor Hisham Ghazali (**gambar kecil**) berkata, air banjir lebihan daripada kedua-dua sungai tersebut yang dilencongan ke Kolam Takungan Berembang milik SMART mengandungi pelbagai jenis sampah yang dibuang penduduk yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, sampah yang memasuki kolam takungan tersebut mengakibatkan SMART terpaksa membelanjakan sebanyak RM150,000 pada setiap tahun untuk menguruskan sisa buangan yang tersekat dan terperangkap pada sistem perangkap sampah automatik SMART.

“Jika keadaan ini berterusan,

kos operasi yang ditanggung oleh SMART akan meningkat bukan sahaja untuk menguruskan sampah-sarap tersebut malah pelbagai peralatan yang digunakan pada terowong tersebut turut berisiko untuk mengalami kerosakan.

“Sampah yang banyak di kedua-dua sungai tersebut juga boleh menghalang laluan air sungai sehingga mengakibatkan berlakunya banjir kilat,” katanya pada sidang media selepas majlis bersama media di Pusat Kawalan SMART di sini semalam.

Dalam pada itu, Nor Hisham berkata, walaupun tujuan utama SMART adalah mengurangkan masalah banjir di pusat bandar raya Kuala Lumpur, namun, mereka juga kini terpaksa melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan sungai tersebut.

“Selain itu, program mendekati masyarakat turut dijalankan oleh SMART melalui kempen-kempen kesedaran penjagaan sungai.

“Tujuan pelaksanaan kempen tersebut adalah untuk mendidik masyarakat supaya lebih mencin-



PARA pekerja melakukan kerja-kerja pembersihan pada terowong SMART setiap kali ia digunakan untuk lencongan air.

tai sungai sekali gus dapat mencegah berlakunya banjir kilat di ibu kota,” jelasnya.

Ditanya mengenai keberkesanan terowong yang dibina dengan kos RM1.9 bilion itu sejak mula beroperasi pada 2003 dalam menangani masalah banjir di bandar raya, beliau berkata, perkara tersebut perlu dinilai daripada pelbagai sudut.

“Jika dilihat daripada dua kes banjir yang berlaku pada tahun ini, iaitu pada bulan Mac dan Mei lepas, data menunjukkan SMART berjaya melencong kira-kira tiga juta meter padu aliran air yang boleh mengakibatkan banjir yang lebih teruk di ibu kota ke kawasan tadahan.

“Ini adalah satu kejayaan,” katanya.

INFO Terowong SMART

- Mula dibuka pada tahun 2007
- Mengambil masa selama empat tahun untuk disiapkan bermula Januari 2003
- Kos pembinaan sebanyak RM1.93 bilion
- Terowong sepanjang 9.7 kilometer tetapi laluan untuk kenderaan hanya 3.3 kilometer
- Terowong bermula di Kampung Berembang berdekatan dengan Sungai Klang di Ampang dan berakhir di Taman Desa berdekatan Sungai Kerayong di Salak Selatan
- Berfungsi mengelak banjir kilat di ibu negara akibat pertembungan air dari Sungai Klang dan Sungai Ampang
- Turut berfungsi mengurangkan masalah kesesakan trafik di antara Bulatan Kampung Pandan dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di Sungai Besi
- Merupakan terowong lencongan air yang terpanjang di Asia Tenggara dan kedua terpanjang di Asia.
- Direka bentuk bagi kegunaan kenderaan ringan dengan ketinggian maksimum dua meter serta had laju yang ditetapkan adalah 60 km/j.
- Motosikal serta kenderaan berat seperti lori dan bas tidak dibenarkan melalui terowong tersebut

Sumber:
<http://state.water.gov.my/scc/index.php>